

Penggunaan Lughatul Fasli Dalam Kalangan Guru Pelatih Bahasa Arab di Universiti Pendidikan Sultan Idris

*Use of Lughatul Fasli among Arabic Language Training Teachers at
Sultan Idris Education University*

Muhammad Helmi Yakob
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
helmiyakob480@gmail.com

To Cite this Article (APA) : Yakob, M. H. (2023). Use of Lughatul Fasli among Arabic Language Training Teachers at Sultan Idris Education University. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 4(2), 99–106. <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol4.2.10.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol4.2.10.2023>

Abstrak: Kurikulum bahasa Arab telah mengalami inovasi dan perubahan dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Melalui kurikulum baru ini penggunaan *lughatul fasli* dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) mula diperkenalkan. *Lughatul fasli* ialah bahasa pengendalian kelas yang selalu digunakan oleh guru sebagai bahasa perantaraan menyampaikan isi kandungan pelajaran ketika berinteraksi dengan murid dalam kelas. Melalui penggunaan *lughatul fasli* yang berterusan ia mampu menambah serta memupuk minat murid untuk mempelajari bahasa Arab. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneroka isu ini yang melibatkan 25 guru pelatih bahasa Arab yang dipilih melalui persampelan bertujuan. Temubual separa berstruktur digunakan sebagai alat pengumpulan data. Analisis tematik telah dijalankan dengan menggunakan perisian Atlas.ti. Hasil dapatan menunjukkan jenis *lughatul fasli* yang kerap digunakan ialah ungkapan sapaan, arahan, soalan, dan pujian. Majoriti peserta kajian berpendapat melalui penggunaan *lughatul fasli* ini dapat membantu pelajar untuk memahami kandungan pembelajaran dengan lebih mudah disamping dapat menambahkan saiz kosa kata pelajar. Selain itu ia juga dapat meningkatkan tahap kemahiran komunikasi antara guru dan pelajar.

Kata kunci: bahasa Arab, *lughatul fasli*, pengajaran dan pembelajaran, UPSI

Abstract: *The Arabic language curriculum has undergone innovation and change with the implementation of the Primary School Standard Curriculum (KSSR) and the Secondary School Standard Curriculum (KSSM). Through this new curriculum, the use of classroom language in teaching and facilitation (PdPc) was first introduced. Lughatul Fasli is the language of classroom management that is always used by teachers as an intermediate language to convey the content of lessons when interacting with students in class. Through the continuous use of Lughatul Fasli, it is able to increase and foster students' interest in learning Arabic. This study uses a qualitative approach to explore this issue involving 25 Arabic language trainee teachers selected through purposive sampling. Semi-structured interviews were used as a data collection tool. Thematic analysis was conducted using Atlas.ti software. The findings show that the most frequently used types of lughatus fasli speech are expressions of greeting, instructions, questions, and praise. The majority of study participants think that through the use of lughatul fasli language, this can help students to understand the learning content more easily, as well as increase the size of students' vocabulary. In addition, it can also improve the level of communication skills between teachers and students.*

Keywords: *Arabic language, lughatul fasli, teaching and learning, UPSI*

PENGENALAN

Pembelajaran bahasa Arab hari ini semakin berkembang. Menguasai bahasa asing memberikan nilai tambahan kepada pelajar kerana ia membolehkan mereka memenuhi keperluan dunia moden. Oleh itu, kurikulum dirancang dan diubah suai untuk memastikan pelajar memahami dan menguasai pelajaran. Keupayaan dan peranan guru bahasa Arab dalam bilik darjah untuk mencapai matlamat dan objektif kurikulum bahasa Arab adalah penting untuk keberkesanan pengajaran bahasa Arab di sekolah (Yakob et al., 2018).

Kefahaman terhadap isi kandungan subjek adalah penting dalam proses PdPc (Yaakob et al., 2018). Oleh itu, guru mesti menjelaskan kandungan pelajaran kepada pelajar sehingga mereka memahaminya. Pelajar harus menumpukan perhatian dan memahami proses PdPc yang berlangsung pada masa yang sama. *Lughatul fasli*, iaitu istilah dan ungkapan yang akan sentiasa digunakan dalam proses PdPc, akan didedahkan secara langsung kepada pelajar pada masa ini. Pengulangan akan menyebabkan pelajar mengingati dan memahami arahan dan tindakan yang dikehendaki oleh guru mereka (Izuddin, 2015). Menurut Mahadi (2019), kesedaran guru terhadap kepentingan lughatul fasli masih rendah.

Penggunaan lughatul fasli juga akan mengubah suasana PdPc, yang biasanya hanya tertumpu kepada guru, secara tidak langsung. Pendekatan lughatul fasli memudahkan interaksi dua hala dan mendorong pelajar untuk mengambil bahagian dalam aktiviti PdPc (Yaakob et al., 2018). Oleh itu, proses PdPc tidak lagi berpusatkan guru, dan ia membolehkan pelajar mengalami pembelajaran yang bermakna.

Kajian yang dijalankan pada 2019 oleh Mahadi mendapati bahawa terdapat hubungan yang kuat antara sikap guru terhadap penggunaan *lughatul fasli* dan pengetahuan mereka tentang *lughatul fasli*. Dengan kata lain, guru akan menggunakan *lughatul fasli* jika mereka mahir. Kajian terdahulu, seperti Yaakob et al. modul *lughatul fasli* telah dikaji secara menyeluruh dan dibangunkan oleh Mohamad Ziyad dan Saini (2017), Mior Syazril (2015), dan 2018. Walaupun begitu, masih kurang kajian yang dilakukan mengenai tahap penggunaan *lughatul fasli* terutama dalam kalangan guru pelatih. Guru pelatih merupakan calon guru yang sedang menjalani latihan mengajar di sekolah dalam tempoh tertentu. Kajian dalam kalangan guru pelatih menjadi salah satu sumber asas dalam menentukan tahap penggunaan *lughatul fasli* dalam PdPc kerana mereka juga merupakan bakal guru yang akan mengajar mata pelajaran bahasa Arab di sekolah.

Oleh yang demikian, kajian ini cuba untuk meneroka tahap penggunaan *lughatul fasli* dalam kalangan guru pelatih bahasa Arab di UPSI. Peserta kajian terdiri daripada guru pelatih yang

telah menjalani latihan mengajar di sekolah selama 8 minggu. Kesemua peserta kajian telah mengajar mata pelajaran bahasa Arab sepanjang tempoh latihan mengajar berjalan.

Latar Belakang Kajian

Lughatul fasli atau bahasa pengendalian kelas (Izuddin, 2015) merupakan komunikasi yang mudah dan ringkas yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan isi kandungan mata pelajaran (Mohamad Ziyad & Saini, 2017; Yaakob et al. 2018). Dalam konteks pendidikan Bahasa Arab istilah “*lughatul fasli*” digunakan dalam kalangan guru bahasa Arab di Malaysia. Perkataan “*lughatul fasli*” terdiri daripada dua perkataan pertama “*lughah*” yang bermaksud bahasa, manakala “*fasli*” bermaksud kelas. Apabila digabungkan ia membawa maksud bahasa pengendalian kelas.

Pengamalan *lughatul fasli* dalam kalangan guru-guru bahasa Arab menggunakan bahasa Arab sepenuhnya sangat digalakkan (Norhisham & Harun, 2020). *Lughatul fasli* merupakan satu medium yang boleh digunakan oleh guru dan murid untuk meningkatkan keberkesanan interaksi dalam pendidikan bahasa Arab (Izuddin, 2015). Terdapat enam jenis *lughatul fasli* yang telah dikenalpasti oleh Mior Syazril (2015) dalam kajiannya terhadap Jurulatih Utama Kebangsaan bagi subjek bahasa Arab sekolah rendah. Namun kajian Mohamad Ziyad & Saini (2017) telah menemui satu lagi jenis *lughatul fasli* yang digunakan oleh para guru bahasa Arab membawa kepada perubahan jumlah jenis *lughatul fasli* dari enam kepada tujuh jenis. Penemuan dibuat berdasarkan kajian mereka terhadap guru bahasa Arab yang wujud dalam *lughatul fasli*.

Terdapat pelbagai jenis *lughatul fasli* dalam komunikasi ringkas antara guru dan murid. Antara jenis-jenis *lughatul fasli* yang dikenal pasti ialah 1) ucapan dan sapaan (2) (التحيات والترحيبات), arahan (3) (الأوامر), penyoalan (4) (الأسئلة), pujian dan penegasan (5) (التعزيز والاثبات), membetulkan kesalahan murid (6) (تصحيح الأخطاء), ungkapan mudah (العبارات المتداولة), (Mior Syazril, 2015); dan 7) larangan (النواهي) (Mohamad Ziyad & Saini 2017). Penekanan pengamalan *lughatul fasli* oleh pengkaji lepas (Mior Syazril 2015; Mohamad Ziyad & Saini, 2017; Mohamad Ziyad & Saini, 2015; Yaakob Hasan et al. 2018) hanya mengfokuskan terhadap komunikasi verbal dari segi kejelasan suara, sebutan yang betul dan pengamalan yang berterusan tanpa mengaitkan dengan kepentingan sentuhan, riak muka, pergerakan badan, sentuhan dan pelbagai lagi.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan melibatkan responden kajian seramai 25 orang guru pelatih bahasa Arab di Universiti Pendidikan Sulta Idris. Responden kajian dipilih melalui teknik persampelan bertujuan yang bertujuan, yang melibatkan pemilihan responden berdasarkan kriteria tertentu untuk memastikan latar belakang dan pengalaman memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Penyelidik dengan teliti mempertimbangkan ciri-ciri ini untuk mengumpul maklumat terperinci. Metodologi ini membolehkan penyelidik memperoleh data yang komprehensif dengan mempertimbangkan banyak perspektif responden. Ciri-ciri responden adalah seperti berikut:

1. Responden merupakan guru bahasa Arab di UPSI.
2. Responden telah menjalani latihan mengajar di sekolah.
3. Responden mampu untuk memberi komitmen sepanjang tempoh kajian dijalankan.
4. Responden tidak mempunyai apa-apa kepentingan terhadap kajian ini dan mana-mana pemegang taruh.

Sesi temubual separa berstruktur dilaksanakan melalui penggunaan teknik kumpulan fokus, yang melibatkan lima hingga tujuh orang guru pelatih dalam setiap sesi. Durasi setiap sesi temubual adalah antara 45 hingga 60 minit. Walaupun terdapat satu set soalan asas yang disediakan, sesi ini juga mengintegrasikan soalan tambahan yang timbul selama proses temubual berlangsung. Selesai sesi temubual, proses analisis data dimulai dengan penyelidik mengatur dan menyediakan data untuk analisis. Ini termasuk transkripsi dari sesi temubual separa berstruktur dan catatan-catatan yang dibuat oleh penyelidik. Penyelidik kemudian mengkaji secara menyeluruh set data untuk memperoleh

pemahaman komprehensif tentang input yang diberikan oleh responden, menilai kedalaman dan kepercayaan data secara keseluruhan. Proses pengkodan data dilakukan menggunakan perisian Atlas.ti, menjalankan analisis tematik dan pengelompokan data berdasarkan kategori-kategori relevan.

DAPATAN KAJIAN

Dalam rangkaian kajian ini, pengkaji telah melakukan temu bual bersama 25 orang peserta kajian yang merupakan guru pelatih yang mengambil program bahasa Arab di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Sebanyak 10 soalan telah diajukan oleh pengkaji sebagai penembual dalam temubual ini. Proses temubual berlangsung selama dua jam.

Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga dapatan utama bagi penggunaan *lughatul fasli*. Dapatan pertama ialah jenis *lughatul fasli* yang kerap digunakan oleh guru pelatih. Antara jenis yang *lughatul fasli* yang digunakan oleh guru pelatih UPSI ialah pujian, larangan, arahan, penyoalan serta ucapan salam dan selamat. Dapatan kedua pula ialah definisi bagi *lughatul fasli* dari sudut pandang guru pelatih. Seterusnya, dapatan ketiga ialah sebab guru pelatih menggunakan *lughatul fasli* dalam proses PdPc.

Dapatan yang pertama ialah jenis *lughatul fasli* yang kerap digunakan oleh guru pelatih UPSI. Dibawah dapatan ini terdapat empat jenis *lughatul fasli* yang kerap digunakan iaitu ucapan salam dan selamat, arahan, penyoalan serta pujian. Berdasarkan dapatan kajian, antara jenis *lughatul fasli* yang sering digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran ialah ucapan salam dan selamat seperti yang dinyatakan oleh responden yang ke-10.

“Jenis Lughatul Fasli yang saya biasa guna cam biasa ahhh، السلام عليكم، و عليكم السلام، كيف حالكم؟ صباح الخير، صباح النور، كيف حالكم؟” (1:11)

Pernyataan tersebut turut disokong oleh reponden yang kelima. Beliau juga kerap menggunakan jenis *lughatul fasli* ini dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebelum memulakan kelas.

Untuk penggunaan lughatul fasli yang kerap digunakan di dalam kelas pertama sekali adalah di bahagian awallah untuk greetings tu contohnya macam، كيف حالكم؟ السلام عليكم،” (1:149)

Hal ini juga disebut oleh responden yang kedua belas. Beliau juga biasa dan kerap menggunakan ucapan salam dan selamat.

“aaa jenis lughatul fasli yang kerap saya gunakan ada enam. Pertama, salam dan selamat، السلام، كيف حالكم؟ cam tu.” (1:115)

Selain itu guru pelatih juga kerap menggunakan *lughatul fasli* yang berbentuk arahan. Hasil dapatan daripada temubual bersama guru pelatih, ramai dalam kalangan mereka memberikan arahan sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab supaya pelajar mereka menumpukan perhatian. Ini telah dinyatakan oleh responden yang kedua belas iaitu:

“Keempat, melalui arahan dan suruhan. Macam، انتبهوا” (1:116)

Responden kelapan belas turut menyatakan tentang arahan yang diberikan dan beliau gunakan arahan tersebut dalam kelas semasa sesi pengajaran dan pembelajaran seperti:

“Yang kedua, aaa dari segi arahan. Sebagai contoh، تفضل بالجلوس” (1:129)

Bagi jenis yang ketiga pula adalah jenis *lughatul fasli* yang berbentuk penyoalan (طرح) الأسئلة. Jenis *Lughatul Fasl* ini sangat masyur dan kerap digunakan oleh guru pelatih dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa arab di dalam kelas mereka. Hal ini berdasarkan kenyataan daripada responden yang keempat:

“*lughatul fasli yang saya gunakan sewaktu pengajaran seperti كيف حالكم (1:191)*”

Hal ini juga turut disokong oleh responden yang keempat. Beliau juga menyatakan bahawa *lughatul fasli* yang sering beliau gunakan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab ialah pertama beliau akan bertanya khabar terlebih dahulu.

“*Okey, antara lughatul fasli yang sering saya gunakan dalam pengajaran bahasa Arab adalah yang pertama saya akan bertanya khabar كيف حالكم جميعا؟ هل انتم مستعدون؟ ما هذا كم تاريخ اليوم؟ (1:89)*”

Selain itu para guru pelatih kerap menggunakan *lughatul fasli* yang berbentuk pujian. Subtema ini telah digunakan oleh guru pelatih semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas bahasa Arab seperti yang telah dinyatakan oleh responden yang pertama. Beliau menyatakan bahawa beliau meminta pelajar untuk menjawab soalan dan jika jawapan pelajar itu tepat beliau akan memberi pujian kepadanya.

“*selepas saya meminta pelajar untuk menjawab persoalan dan sekiranya jawapan itu betul saya akan erghh orang kata memujilah, memuji mereka atas jawapan yang diberikan contohnya نعم، ممتاز إجاباتكم صحيحة (1:81)*”

Hal ini juga disokong oleh responden yang kedua. Beliau menyatakan bahawa beliau akan memuji pelajarinya jika menjawab soalan yang diberikan dengan tepat.

“*Ketiga, adalah pujian. Contohnya, pelajar dapat jawab soalan kita cakap اaaa ممتاز، أحسنتم macam tu.*” (1:84)

Seterusnya, hasil dapatan kedua ialah definisi *lughatul fasli* dari sudut pandang guru pelatih UPSI. Dalam tema ini terdapat satu subtema iaitu pandangan definisi *lughatul fasli* dalam kalangan guru pelatih bahasa Arab UPSI antaranya, menurut responden yang kesembilan iaitu:

“*lughatul fasli ni aaa berkaitan dengan cara kita berkomunikasi ataupun menyampaikan aaa pembelajaran ataupun berinteraksi antara pelajar dan guru aaa dengan bahasa Arab yang mudah difahami oleh pelajar yang biasa didengari oleh pelajar.*” (1:109)

Responden keempat juga menyatakan definisi bagi *lughatul fasli*. Beliau menyatakan “*Lughat*” membawa maksud bahasa manakala “*Fasl*” pula bermaksud “kelas”. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa *lughatul fasli* ini merupakan bahasa yang guru aplikasikan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas.

“*Lughatul ini adalah bahasa dan Fasl adalah kelas. jadi apa yang saya faham ni merupakan bahasa yang sering guru gunakan sewaktu pengajaran, di dalam kelas.*” (1:90)

Responden kelima juga menyatakan definisi yang lebih kurang sama dengan responden yang ketiga. Beliau menyatakan bahawa *lughatul fasli* ini adalah bahasa atau istilah yang digunakan khusus dalam kelas atau semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP).

“konsep Lugahtul Fasl ini dia adalah bahasa ataupun istilah-istilah yang kita guna, khususnya di dalam kelas dan sepanjang PdPC itu.” (1:98)

Seterusnya, dapatan yang ketiga ialah berkaitan sebab perlunya penggunaan *lughatul fasli* oleh guru pelatih bahasa Arab UPSI. Hasil dapatan kajian menunjukkan banyak sebab pemilihan *lughatul fasli* oleh responden. Menurut responden yang kelapan, beliau menyatakan bahawa jika menggunakan *lughatul fasli* yang ringkas dan mudah mampu membantu pelajar faham akan kandungan yang dipelajari dan membantu pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.

“So, aaa apabila kita kerap menggunakan Lughatul Fasl di dalam kelas secara mudah, ringkas dan mudah difahami pelajar, sekaligus ia dapat membantu pelajarlah dalam memahami apa yang dipelajari dan juga membantu pelajar untuk mereka berkomunikasi dalam bahasa arab dengan mudah.” (1:106)

Responden yang keempat pula menyatakan bahawa *lughatul fasli* membantu pelajar untuk memahami dengan mudah. Ungkapan *lughatul fasli* yang mudah dapat membantu pelajar untuk faham.

“Di mana, hal ini dapat membantu pelajar saya untuk memahami dengan mudah Lughatul Fasl yang saya gunakan sewaktu pengajaran.” (1:92)

Menurut responden yang kesepuluh, beliau menyatakan bahawa sebab kepada pemilihan *lughatul fasli* oleh guru pelatih ialah untuk membantu pelajar faham dan menambah kosa kata mereka.

“Lughatul Fasl ini adalah aaa bahasa yang kita guna ataupun bahasa pengajar guna didalam kelas untuk memudahkan sesi pengajaran dan mengapa saya memilih kaedah ini kerana kita dapat melatih pelajar-pelajar memahami bahasa arab dan ianya dapat memberikan aaa, vocab baru kan, vocab baru aaa, lebih kurang macam tu lah.” (1:113)

Kesimpulannya, berdasarkan temubual yang dijalankan bersama responden, pengkaji mengenalpasti terdapat tiga hasil dapatan kajian. Pertama, jenis *lughatul fasli* yang kerap digunakan oleh guru pelatih. Antaranya ialah ucapan salam dan selamat, arahan, penyoalan dan pujian. Kedua pula ialah definisi bagi *lughatul fasli* dari sudut pandang guru pelatih UPSI dan yang terakhir ialah sebab perlunya penggunaan *lughatul fasli* dalam pembelajaran bahasa Arab.

PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat empat jenis ungkapan dalam *lughatul fasli* yang kerap digunakan oleh guru pelatih iaitu ucapan salam dan selamat, arahan, penyoalan serta pujian. Jenis *lughatul fasli* yang pertama ialah ucapan sapaan dan selamat. Ramai dalam kalangan guru pelatih telah menggunakan ungkapan jenis ini sepanjang tempoh latihan mengajar. Hal ini kerana ungkapan ini kerap digunakan oleh guru pelatih pada permulaan bagi sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Contohnya ucapan salam, assalamualaikum dan ucapan selamat pula apa khabar kalian hari ini dan sebagainya. Ini bertujuan untuk menarik perhatian pelajar sebelum kelas bermula dan bertujuan untuk mengetahui khabar pelajar supaya mereka rasa diberi perhatian oleh guru.

Selain itu, arahan juga merupakan jenis *lughatul fasli* yang kerap digunakan oleh guru pelatih dalam sesi pembelajaran bahasa Arab di kelas. Guru sentiasa memberikan arahan kepada pelajarinya dalam membuat sesuatu atau menyelesaikan sesuatu kerja atau tugas di dalam kelas. Hal ini kerana, arahan yang diberikan oleh guru adalah satu tugas yang wajib pelajar laksanakan. Contohnya, guru meminta murid menjawab soalan yang berkaitan dengan topik pembelajaran pada hari tersebut dan sebagainya. Secara tidak langsung, proses komunikasi dua hala telah dicapai oleh guru dan juga pelajar semasa di dalam kelas.

Kemudian, terdapat juga jenis *lughatul fasli* berbetuk penyoalan. Bentuk penyoalan ini kerap kali diterapkan oleh guru pelatih dalam kelas. Hal ini kerana soalan yang diajukan oleh guru pelatih secara tidak langsung mampu menarik perhatian pelajar, memotivasi mereka untuk memberikan lebih banyak perhatian terhadap topik yang sedang dipelajari. Contohnya, guru pelatih dapat menyuarakan

pertanyaan kepada pelajar tentang aspek pembelajaran, perkembangan terkini, dan banyak lagi. Kesannya, jenis penyoalan yang digunakan oleh guru pelatih ini membantu meningkatkan fokus pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Bentuk penyoalan juga seharusnya lebih ringkas dan mudah untuk difahami agar dapat mengekalkan perhatian pelajar di dalam kelas.

Jenis *lughatul fasli* yang terakhir yang kerap digunakan oleh guru pelatih ialah pujian. Jenis ini juga sering digunakan oleh guru pelatih semasa sesi pengajaran bahasa Arab. Hal ini kerana, pujian membantu guru dalam memberi dorongan semangat kepada pelajar. Dengan pujian juga akan menjadikan pelajar lebih motivasi untuk belajar. Contohnya, guru mestilah sentiasa memberi pujian terhadap setiap tindakan positif pelajar semasa berada di dalam kelas sama ada dari aspek menjawab persoalan, tindakan membantu guru dan sebagainya. Kesannya, pelajar akan rasa lebih dihargai dan mereka akan berasa semangat dan bermotivasi untuk terus belajar bahasa Arab.

Oleh yang demikian empat jenis *lughatul fasli* ini sering digunakan oleh guru pelatih semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hal ini juga telah dinyatakan dalam kajian lain. Menurut Mohd. Ziyad dan Saini (2017) dalam kajian mereka yang lain menyatakan aplikasi *lughatul fasli* secara ekspresif dan berkesan adalah kaedah yang baik dalam mewujudkan persekitaran komunikasi. Hasil kajian mereka juga menunjukkan terdapat tujuh jenis *lughatul fasli* yang sering digunakan oleh guru iaitu ucapan salam dan selamat, ungkapan mudah harian, pujian dan peneguhan, arahan dan suruhan, larangan, penyoalan dan ungkapan.

Selain itu, dalam kajian yang lain juga menyatakan tentang jenis *lughatul fasli*.

Seterusnya, hasil dapatan menunjukkan definisi *lughatul fasli* dari sudut pandang guru pelatih ialah "*lughatul fasli* merupakan ungkapan atau istilah yang difahami oleh pelajar dan guru gunakan di dalam kelas semasa sesi pengajaran dan pembelajaran". Menurut pandangan mereka, *lughatul fasli* tidak hanya terbatas pada beberapa istilah atau ungkapan, tetapi meliputi semua bentuk perkataan dan ayat yang digunakan secara efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas.

Hasil dapatan menunjukkan sebab yang telah dinyatakan oleh guru pelatih dalam memilih menggunakan *lughatul fasli* ialah "*lughatul fasli* membantu guru melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas". Selain itu, guru pelatih juga turut menyatakan bahawa sebab mereka memilih menggunakan *lughatul fasli* ialah untuk "berkomunikasi dengan pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas".

Kesimpulannya, hasil kajian mendapati bahawa terdapat empat jenis *lughatul fasli* yang kerap digunakan oleh guru pelatih dalam pengajaran bahasa Arab, iaitu ucapan salam dan selamat, arahan, penyoalan, dan pujian. Setiap jenis *lughatul fasli* ini memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan interaksi guru dan pelajar di dalam kelas. Selain itu, konsep *Lughatul Fasl* juga dinyatakan oleh guru pelatih sebagai bahasa yang difahami oleh pelajar dan digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, sebab-sebab guru memilih menggunakan *Lughatul Fasl* termasuk membantu melancarkan proses pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas serta membantu berkomunikasi bersama pelajar.

KESIMPULAN

Kajian penggunaan *lughatul fasli* dalam kalangan guru pelatih program bahasa Arab di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengenal pasti tiga dapatan utama. Pertama, pelbagai jenis *lughatul fasli* sering digunakan, termasuk sapaan, arahan, soalan, dan pujian, untuk memudahkan interaksi bilik darjah. Kedua, *lughatul fasli* ditakrifkan sebagai bahasa atau ungkapan khusus yang digunakan oleh guru untuk meningkatkan komunikasi dan pemahaman semasa proses PdP. Ketiga, guru pelatih memilih untuk menggunakan *lughatul fasli* untuk membantu pemahaman pelajar, perkembangan perbendaharaan kata, dan komunikasi keseluruhan dalam bahasa Arab. Penyelidikan masa depan boleh meneroka keberkesanan *lughatul fasli* dalam persekitaran pendidikan yang pelbagai dan dalam kalangan kumpulan umur yang berbeza. Selain itu, kajian boleh meneroka kesan jangka panjang penggunaan *lughatul fasli* terhadap penguasaan dan penglibatan bahasa pelajar.

RUJUKAN

- Izuddin, M. (2015). Meningkatkan Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Bilik Darjah Melalui Penggunaan Lughatul Fasli: Satu Tinjauan Awal. *Prosiding Persidangan kebangsaan Bahasa Arab*, (pp. 9-18).
- Mahadi, S. (2019). *Pengetahuan dan Sikap Guru dalam Penggunaan "Lughatul-Fasli"*. Bangi: Tesis Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mior Syazril, M. S. (2015). *Amalan Penggunaan Lughatul Fasli dalam Pengajaran Jurulatih Utama Bahasa Arab Sekolah Rendah*.
- Mohamad Ziyad, M. & Saini, A. D. (2015). Amalan Penggunaan Lughat Al-Fasl dalam Kalanga Guru Pelatih j-QAF. *Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab*, (pp. 297-305).
- Mohamad Ziyad, M. & Saini, A. D. (2017). Aplikasi Lughat Al-Fasl dalam Pengajaran Bahasa Arab. *Manu*, 153-183.
- Norhisham, A. & Harun, B. (2020). Tahap Amalan Komunikasi Nonverbal Guru Bahasa Arab dalam "Lughatul Fasli". *International Conference Teacher Education*, (pp. 165-178).
- Yaakob, H., Mohamad Ziyad, M., Md Noor, H., Idi, H. & Mohd Reduan. (2018). Amalan Penggunaan Lughat Al-Fasl dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di Malaysia. *5th International Research Management & Innovation Conference*. Putrajaya.